




21 JUL, 2020

Pelawat dikehendaki jalani ujian rT-PCR

Utusan Sarawak, Malaysia

Pelawat dikehendaki jalani ujian rT-PCR

>> LAPORAN DI HALAMAN 3





21 JUL, 2020

Pelawat dikehendaki jalani ujian rT-PCR

Utusan Sarawak, Malaysia

Pelawat dikehendaki jalani ujian rT-PCR

ALEXANDRA LORNA

KUCHING: Bagi kemasukan warganegara dan bukan warganegara dari luar negara ke Sarawak, mereka dikehendaki menjalani ujian rT-PCR tiga hari sebelum masuk ke Malaysia, kata Timbalan Ketua Menteri, Datuk Amar Douglas Uggah Embas.

Beliau berkata, setelah bermesyuarat semalam Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak membuat beberapa keputusan seperti itu untuk kemasukan ke Sarawak.

"Setibanya di Sarawak, mereka wajib menjalani tempoh kuarantin selama 14 hari di Pusat Kuarantin yang disediakan.

"Ujian secara rawak rT-PCR juga akan dilakukan untuk setiap penerbangan masuk ke Sarawak," katanya pada sidang media laporan harian Covid-19 di sini semalam.

Beliau berkata JPBN turut memutuskan untuk melanjutkan pe-

nangguhan pembukaan semula sesi persekolahan di Daerah Padawan.

"Berdasarkan nasihat Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak, Majlis Keselamatan Negara Sarawak dan persetujuan bersama antara semua pihak termasuk wakil Kementerian Pendidikan Malaysia (Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak) telah memutuskan melanjutkan penangguhan pembukaan semula sesi persekolahan bagi dua (2) sekolah menengah melibatkan Kelas Peralihan, Tingkatan 1, 2, 3 dan 4, Tingkatan 6 Rendah.

"Penangguhan juga dilanjutkan ke 23 sekolah rendah melibatkan Tahun 1, 2, 3, 4, 5 dan 6 di daerah Padawan ke 3 Ogos 2020.

"Bagi kelas prasekolah, Tingkatan 5 dan Tingkatan 6 Atas, sesi persekolahan diteruskan seperti biasa," ujar Uggah.

Dalam perkara lain, bagi pematuan pematuan PKPP, sebanyak 1,895 premis telah dipantau iaitu pasar raya (310), restoran (402),

kilang (19), bank (190), pejabat kerajaan (53), penjaja (64), pasar tani/awam (81), tempat ibadah (73), tempat riadah (64), tapak pembinaan (15) dan lain-lain (624) semalam.

"Seramai 696 anggota pematuan PKPP yang terdiri daripada PDRM (346), ATM (39), RELA (152), APM (94), PBT (50), KKM (10), dan Lain-lain agensi (5) terlibat dalam program itu.

"PDRM telah membuat empat tangkapan yang melibatkan GRO warga asing di Mukah kerana tidak mempunyai permit kerja yang sah dan 46 kes dikeluarkan kompaun kerana didapati mengingkari serta tidak mematuhi Garis Panduan (SOP).

"Daripada jumlah 46 kes tersebut, 34 kes adalah di pusat hiburan di Kuching dan 12 kes adalah di pusat hiburan di Mukah," katanya.

Uggah berkata setakat semalam juga terdapat enam sekatan jalan raya di lima daerah sempena Op

5. SENARAI SEKOLAH YANG TERLIBAT DI DAERAH PADAWAN

BIL	NAMA SEKOLAH	PIHAK BERKUASA TEMPATAN
1	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) CHUNG HUA BATU 15	MPP
2	SEKOLAH KEBANGSAAN PAYA MEBI	MPP
3	SEKOLAH KEBANGSAAN SEMENGGOK	MPP
4	SEKOLAH KEBANGSAAN BENGOH	MPP
5	SEKOLAH KEBANGSAAN EMPEROH JAMBU	MPP
6	SEKOLAH KEBANGSAAN GEORGE	MPP
7	SEKOLAH KEBANGSAAN LANDEH	MPP
8	SEKOLAH KEBANGSAAN PATUNG	MPP
9	SEKOLAH KEBANGSAAN PURUH KARU	MPP
10	SEKOLAH KEBANGSAAN SIBURAN BATU	MPP
11	SEKOLAH KEBANGSAAN SITANG PETAG	MPP
12	SEKOLAH KEBANGSAAN ST ALBAN DURAS	MPP
13	SEKOLAH KEBANGSAAN ST AUGUSTINE	MPP
14	SEKOLAH KEBANGSAAN ST FRANCIS XAVIER SERATAU	MPP
15	SEKOLAH KEBANGSAAN ST GILE	MPP
16	SEKOLAH KEBANGSAAN ST GREGORY	MPP
17	SEKOLAH KEBANGSAAN ST JAMES QUOP	MPP
18	SEKOLAH KEBANGSAAN ST PATRICK	MPP
19	SEKOLAH KEBANGSAAN ST PAUL	MPP
20	SEKOLAH KEBANGSAAN TABA SALT	MPP
21	SEKOLAH KEBANGSAAN ST PETER	Majlis Daerah Serian
22	SEKOLAH KEBANGSAAN ST ELIZABETH	Majlis Daerah Serian
23	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) BERATOK	Majlis Daerah Serian
24	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SIBURAN	MPP
25	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PENRUSSEN	MPP

LAMPIRAN senarai sekolah ditangguh di Daerah Padawan

Benteng iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1).

"Daripada enam sekatan

jalan raya tersebut, sebanyak 1,260 jumlah kenderaan telah diperiksa," katanya.



21 JUL, 2020

Pelawat dikehendaki jalani ujian rT-PCR

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 3 of 3

SUMMARIES

Pelawat dikehendaki jalani ujian rT-PCR >> LAPORAN DI HALAMAN 3

KUCHING: Bagi kemasukan warganegara dan bukan warganegara dari luar negara ke Sarawak, mereka dikehendaki menjalani ujian rT-PCR tiga hari sebelum masuk ke Malaysia, kata Timbalan Ketua Menteri, Datuk Amar Douglas Uggah Embas. Beliau berkata, setelah bermesyuarat semalam Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak membuat beberapa keputusan seperti itu untuk kemasukan ke Sarawak.